

SIARAN MEDIA Untuk Siaran Segera

MSM TERIMA ANUGERAH PERAK DI ANUGERAH PELAPORAN AUSTRALASIAN 2024

KUALA LUMPUR, 27 MEI 2024 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) berbesar hati mengumumkan bahawa ia menerima Anugerah Perak pada majlis *the 2024 Australasian Reporting Awards* (ARA) (Anugerah Pelaporan Australasia 2024) yang diadakan di Sydney, Australia pada 23 Mei 2024 bagi Laporan Bersepadu Tahunan 2022nya. Penghargaan ini merupakan satu pencapaian penting bagi MSM, menandakan anugerah antarabangsa sulungnya sejak penerbitan Laporan Tahunan pertama TK2011.

ARA dikenali dengan proses standard penilaiannya yang tinggi, menarik penyertaan dari pelbagai negara termasuk Australia, New Zealand, Indonesia, Hong Kong, India, Malaysia dan pelbagai negara lain. Setiap Laporan Tahunan yang diserahkan kepada ARA menjalani penilaian menyeluruh oleh tiga ahli panel pakar dan dinilai secara lengkap dan telus.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata "MSM terharu kerana usaha pelaporannya diiktiraf di peringkat antarabangsa, menekankan komitmen kami yang teguh terhadap ketelusan dan akauntabiliti dalam piawaian pelaporan. Pencapaian ini adalah bukti dedikasi dan kerja keras pasukan, di mana usaha kolektif mereka yang teliti dan tekun dalam mengekalkan amalan pelaporan berkualiti tinggi telah menyumbang kepada kejayaan yang luar biasa ini."

Anugerah ARA telah ditubuhkan dengan tujuan untuk meningkatkan dan menambah baik standard pelaporan. Ditadbir oleh Australasian Reporting Awards Limited, sebuah organisasi bebas tanpa keuntungan yang diketuai oleh profesional sukarelawan dari pelbagai sektor dan disokong oleh organisasi yang berdedikasi untuk meningkatkan kualiti pelaporan kewangan dan perniagaan.

Anugerah Perak berada dalam kategori Anugerah Am, berfungsi sebagai metrik untuk menilai tahap kecemerlangan pelaporan yang dicapai. Penilaian ini dijalankan berdasarkan kriteria ARA dalam amalan terbaik global dan penanda aras antarabangsa, menekankan ketelusan, komprehensif dan akauntabiliti sebagai faktor-faktor penting.

Syarikat induk MSM, FGV Holdings Berhad, menerima Anugerah Emas pada Anugerah ARA. Antara organisasi Malaysia yang menerima anugerah Perak bersama-sama dengan MSM ialah Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), PETRONAS Gas Berhad, UEM Sunrise Berhad, dan Sarawak Energy Berhad.

Pengiktirafan ini menandakan penyertaan pertama MSM dalam anugerah tersebut, menjadikannya pencapaian yang amat bermakna, membuktikan komitmen MSM yang kukuh untuk menetapkan piawaian tertinggi dalam Laporan Bersepadu Tahunan (AIR) dan amalan pendedahan, disampaing mengukuhkan lagi komitmen MSM terhadap komunikasi yang jujur dan telus dengan semua pihak berkepentingan.

Sejak 18 Disember 2023, MSM telah disenaraikan dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) dan FTSE4GOOD Bursa Malaysia Syariah (F4GBMS), setelah meningkatkan inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang diiktiraf oleh ambang penarafan Russel FTSE UK.

Sejak tahun 1964, MSM telah mengukuhkan kedudukannya sebagai syarikat penapisan gula negara yang terkemuka dan berada di antara 10 syarikat penapisan terbaik di dunia. Pertumbuhan MSM disokong oleh rangka kerja ESG yang kukuh dan sepenuhnya diintegrasikan ke dalam perniagaan dan operasi. MSM sedang memajukan ekonomi kitaran melalui inisiatif sisa kepada hijau atau 4R dan secara aktif mengurangkan jejak karbonnya. MSM menyasarkan untuk mencapai neutraliti karbon menjelang 2030.

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama "Gula Prai". Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2023, MSM mengeluarkan sebanyak 992,000 tan gula bertapis, di mana 242,077 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM2.24 billion setakat 22 April 2024. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti “percaya”, “menganggarkan”, “mengharapkan”, “menjangka”, “berhasrat”, “mungkin”, “akan”, “merancang”, “prospek” dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus

+603 2181 5018 ext. 158

+6016 677 6118

noorbaya.my@msmsugar.com

Syahidah Ismail

+603 2181 5018 ext. 154

+6019 225 9705

syahidah.i@msmsugar.com